



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/01/06 (HQ)

BEKALAN ELEKTRIK DI TIGA KAWASAN DI KELANTAN DAN DUA KAWASAN DI PAHANG TURUT PULIH SEPERTI SEDIA KALA

Tenaga Nasional Berhad (TNB) setakat jam 12.00 tengah hari tadi telah memulihkan bekalan elektrik seperti sedia kala di tiga lagi kawasan di Negeri Kelantan dan dua di Pahang. Kawasan-kawasan terlibat ialah Bachok, Pasir Puteh, dan Tumpat di Kelantan, dan Kuantan serta Kuala Lipis di Pahang.

Sehubungan itu, lebih 96 peratus pengguna elektrik di seluruh Negeri Kelantan dan 86 peratus pengguna elektrik di seluruh Negeri Pahang telah menerima bekalan elektrik setakat waktu yang sama hari ini. Bilangan Pencawang Elektrik (PE) yang telah dipulihkan di Negeri Kelantan setakat ini ialah sebanyak 1,888 berbanding 1,960, iaitu jumlah keseluruhan PE yang terpaksa dipotong semasa berlakunya banjir.

Di Pahang, bekalan elektrik di kawasan-kawasan terlibat juga semakin pulih. Jumlah PE yang masih belum dipulihkan menurun kepada 79 setakat ini berbanding 584, iaitu jumlah keseluruhan PE yang dipotong semasa banjir.

“Pasukan TNB kini giat menumpukan usaha untuk membaik pulih bekalan elektrik kepada kawasan-kawasan yang belum dipulihkan bekalan termasuklah di sebahagian kawasan Kuala Krai, Gua Musang, Jeli, dan Tanah Merah,” kata Pengurus Besar Kanan (Operasi Wilayah 2), Bahagian Pembahagian TNB, Ir. Abdul Aziz Abdul Majid, yang juga Ketua Koordinator Pengurusan Banjir TNB.

Sementara itu di Perak, sebanyak 34 PE masih belum dipulihkan disebabkan banjir.

“TNB terus komited untuk memulihkan bekalan elektrik ke semua kawasan di negeri-negeri yang terlibat dengan banjir secepat mungkin dan secara selamat agar semua pengguna dapat memperoleh bekalan elektrik seperti sedia kala” kata Ir. Abdul Aziz.

“TNB telah menggerakkan hampir 2,000 anggota kerja teknikal TNB di empat negeri yang dilanda banjir iaitu di Kelantan, Pahang, Perak, dan Terengganu. Mereka bertungkus-lumus tanpa henti membaik pulih bekalan elektrik kepada para pengguna yang terjejas dilanda banjir sejak 23 Disember lalu.

“Mereka tetap mengutamakan perkhidmatan kepada pengguna walaupun terdapat sebahagian daripada mereka turut terjejas akibat banjir,” tambah Ir. Abdul Aziz Abdul Majid.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 5 Januari 2015

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Md Derus Bunchit (019-266 2296)
atau Maizatul Nadiyah Saadon (017-381 6602)*